

## Konsep *Fiqh al-Sunnah* Menurut al-Qaradawi

Sholihah Kaswari<sup>1</sup>, Latifah Abdul Majid<sup>2</sup>, Mohd Arif Nazri<sup>2</sup> & Ahamad Asmadi Sakat<sup>2</sup>

Email: raudhahalmiqyas@gmail.com, umilm@ukm.edu.my, mohdarif@ukm.edu.my, aas@ukm.edu.my

<sup>1</sup>Calon Doktor Falsafah di Jabatan Pengajian al-Quran & al-Sunnah, FPI, UKM

<sup>2</sup>Pensyarah di Jabatan Pengajian al-Quran & al-Sunnah, FPI, UKM

### Abstrak

Al-Qaradawi memandang sunnah Nabi tidak hanya sebagai sumber hukum, tetapi sebagai metodologi pemahaman terhadap nas-nas keagamaan. Beliau disejajarkan dengan kalangan yang berfikir rasional dalam al-Sunnah. Artikel ini menganalisis pandangan al-Qaradawi tentang *fiqh al-sunnah* dan metode aplikasinya dalam mengeluarkan hukum. Kajian ini berbentuk penyelidikan kualitatif dengan mengaplikasikan metode analisis dokumen yang terdiri daripada karya-karya al-Qaradawi tentang konsep *fiqh al-sunnah*. Kajian ini mendapati bahawa pemahaman yang utuh terhadap *fiqh al-sunnah* menurut al-Qaradawi dapat dicirikan melalui tiga karakteristik, iaitu menyeluruh (*shumul*), seimbang (*mutawazin*) dan memudahkan (*muyassir*). Ketiga-tiga karakteristik tersebut menuntut pengaplikasian metode *wasatiyyah* yang berasaskan *maqasid al-shariah*. Antara teori *fiqh al-sunnah* yang ditawarkan oleh al-Qaradawi dalam metode *al-wasatiyyah* adalah klasifikasi sunnah Nabi kepada *tashri'iyyah* dan *ghayr tashri'iyyah*. Hasil kajian mendapati bahawa pandangan al-Qaradawi mengenai konsep *fiqh al-sunnah* adalah selari dengan pandangan-pandangan sarjana klasik *usul fiqh*.

**Kata kunci:** al-Qaradawi, *fiqh al-sunnah*; metode *wasatiyyah*; teori sunnah; *maqasid al-shariah*.

### Abstract

Al-Qaradawi appreciates the Sunnah as a source of law, also as a methodological in understanding of religious texts. He aligned with one who thinks rationally in sunnah. This article analyses the view of al-Qaradawi's *fiqh al-Sunnah* and the method of its application in jurisprudence. This study is a qualitative research by applying document analysis method consists of the books of al-Qaradawi's concept of *fiqh al-sunnah*. This study demonstrates in understanding of *fiqh al-sunnah* according to al-Qaradawi should be characterized by three characteristics; namely comprehensive (*shumul*), sensible (*mutawazin*) and facilitated (*muyassir*). These characteristics require the application of *wasatiyyah* method based on *maqasid al-shariah*. One theory of *fiqh al-sunnah* offered by al-Qaradawi in *wasatiyyah* method is the classification of Sunnah to *tashri'iyyah* and non *tashri'iyyah*. The results determine that the view of al-Qaradawi's *fiqh al-sunnah* concept is in line with the views of classical scholars of jurisprudence.

**Keywords:** al-Qaradawi; *fiqh al-sunnah*; *al-wasatiyyah* method; theory of al-Sunnah; legal objectives; *maqasid al-shariah*

### 1. Pengenalan

Pelbagai jenis pemikiran tentang Sunnah muncul mutakhir ini. Pemikiran-pemikiran tersebut dapat dikategorikan kepada beberapa bahagian. Suryadi (2008: 216-217) menyebutkan wujudnya tiga kategori pemikiran Islam. Pertama, pemikir Islam *tradisionalis* yang berusaha mengembalikan kejayaan Islam sebelum berlakunya penyimpangan dan kemunduran. Kedua, pemikir Islam *moden* yang menyerukan penyerapan modeniti Barat sebagai model yang tepat bagi masa kini. Dan ketiga, pemikir Islam *moderat* yang berusaha menyerap unsur-unsur "yang terbaik" sama ada Barat ataupun Islam masa lalu, serta menyatukan kedua-duanya dalam bentuk yang dianggap memenuhi kedua-kedua model tersebut. Al-Qaradawi adalah seorang pemikir Islam moderat yang menyerukan metode *al-Wasatiyyah al-Islamiyyah* dalam memahami nas-nas keagamaan. Bahkan menurut Kassab (2008: 7), al-Qaradawi merupakan tokoh yang paling menonjol dalam menyerukan metode al-Wasatiyyah.

Dalam mengaplikasikan metode *al-wasatiyyah*, al-Qaradawi menawarkan sebuah teori klasifikasi Sunnah kepada Sunnah Tashri'iyyah dan non Tashri'iyyah. Walaubagaimanapun, klasifikasi ini ditentang oleh sebahagian pihak yang tidak bersetuju dengan pembahagian ini. Klasifikasi Sunnah ini menurut al-Khurashi sebagai rekayasa kaum modenis dan rasionalis untuk mengingkari bahagian-bahagian tertentu daripada syariat yang tidak mereka sukai (al-Khurashi, 2003: 182-190).

Oleh yang demikian, kajian ini perlu mengupas kedudukan Sunnah menurut kalangan *salaf*, pandangan al-Qaradawi tentang Sunnah, konsep fiqh al-Sunnah dan juga aplikasinya. Menerusi kajian ini diharapkan dapat menyorot keselarasan konsep fiqh al-Sunnah yang digagas al-Qaradawi dengan konsep-konsep fiqh Sunnah yang telah diasaskan oleh para sarjana Muslim Salaf.

## 2. Metode Kajian

Jenis kajian ini adalah kajian interpretasi terhadap pemikiran seorang tokoh, maka kajian ini berbentuk kualitatif. Metode pengumpulan data bagi kajian ini adalah analisis dokumen yang terdiri daripada karya-karya al-Qaradawi yang menyentuh aspek pemikirannya tentang al-Sunnah. Kajian ini menjadikan sumber dokumen sebagai sumber primer bagi meneliti pemikiran al-Qaradawi tentang al-Sunnah. Oleh sebab itu, kajian ini mengumpul sebanyak mungkin karya-karya al-Qaradawi sama ada yang berhubung langsung dengan pemikirannya tentang al-Sunnah, ataupun karya-karyanya yang lain yang masih memiliki relevansi dengan subjek yang dikaji. Di samping itu, kajian-kajian lepas yang membahas tentang pemikiran al-Qaradawi turut dijadikan sebagai sumber pelengkap data kajian. Untuk menganalisa data yang terkumpul, kajian ini menggunakan metode deduktif, induktif dan komparatif.

## 3. Ringkasan Biografi Intelektual al-Qaradawi

Al-Qaradawi lahir di desa Saft Turab, daerah al-Mahallah al-Kubra, Mesir, pada 9 September 1926. Pada Usia 10 tahun, al-Qaradawi sudah hafal al-Quran. Pendidikan ditempuhnya di al-Azhar semenjak dari peringkat sekolah rendah sehingga peringkat universiti pada fakulti Usuluddin, sampai akhirnya meraih gelar Ph.D di sana tahun 1973 dengan tajuk disertasi *al-Zakah wa Atharuha fi Hill al-Mashkil al-Ijtimaiyyah*. Menurut Islam Talimah, keterlambatan al-Qaradawi dalam memperolehi Ijazah Ph.D disebabkan situasi politik Mesir ketika itu yang tidak menentu (Isam Talimah, 2001: 3).

Abdullah Saeed, professor *Islamic Studies* di Melbourne Universiti Australia, dalam bukunya *Islamic Thought: an Introduction* (2014: 257) ketika membahas pemikiran sarjana-sarjana Muslim terkait dengan transmisi keilmuan Islam, al-Quran, Hadis, hukum Islam, teologi Islam, filsafat Islam, seni Islam dan tren baru dalam pemikiran di Dunia Islam mengatakan bahawa al-Qaradawi sebagai salah seorang pemikir Islam yang paling moderat dan sebagai salah satu pemikir Islam yang cuba memadukan antara pengetahuan syariah tradisional dengan pemahaman tentang permasalahan-permasalahan kontemporari.

Antara produk pemikiran al-Qaradawi yang terkenal dalam bidang Sunnah adalah metodologi pemahaman hadis Nabi yang berasaskan pada manhaj *al-Wasatiyyah al-Islamiyyah*. Manhaj ini menurut Muhammad Salim al-Awwa (seorang pakar perundungan Islam di Mesir), jika diaplikasikan pada fiqh al-Sunnah adalah berpaksikan pada al-Quran, al-Sunnah, Maqasid Shariah, kaedah-kaedah syariah, dan petunjuk Salaf dalam memahami hukum fiqh (al-Awwa, 2004, 2: 751).

Al-Qaradawi sendiri menerusi jalinan kerjasama dengan *al-Ma'had al-Alami li al-Fikr al-Islami* (The International Institute of Islamic Thought), telah menulis beberapa karya yang mengandungi prinsip-prinsip dasar, karakteristik-karakteristik dan aturan-aturan umum yang paling asas untuk memahamai al-Sunnah. Antara karya tersebut ialah *Kayfa Nata'amal Ma'a al-Sunnah al-Nabawiyah*, *al-Sunnah Masdarani li al-Ma'rifah wa al-Hadarah*, dan *al-Madkhali Dirasat al-Sunnah al-Nabawiyah*. Menerusi ketiga-tiga karya tersebut al-Qaradawi mengharap wujudnya pemahaman terhadap Sunnah secara optimum sebagai tandingan atas pemahaman yang dilakukan oleh sebahagian orang yang hanya berkisar pada pemahaman secara literal. Usaha untuk memahami al-Sunnah secara optimum ini dilakukan oleh al-Qaradawi dengan tetap berpegang pada aturan-aturan yang telah digariskan para ulama tanpa melampaui batasan-batasannya sepertimana yang diistilahkan oleh al-Qaradawi sendiri dengan "memasuki rumah tanpa melalui pintunya" (al-Qaradawi, 2010: 21).

#### **4. Al-Sunnah dalam Perspektif Salaf**

Para sarjana Muslim saling berbeza satu sama lain dalam mendefinisikan istilah al-Sunnah. Perbezaan ini dilatarbelakangi oleh kepelbagai ilmu yang menjadi kepakaran masing-masing. Definisi al-Sunnah menurut sarjana Hadis berbeza dengan definisi al-Sunnah menurut sarjana Usul Fiqh. Demikian pula definisi al-Sunnah menurut sarjana Fiqh, sarjana motivasi, ataupun sarjana moden (Abdul Majid Khan, 2011: 164).

Al-Khatib (1989: 19) ketika membincangkan konsep al-Sunnah mengikut perspektif Salaf menyatakan, bahawa Sunnah dalam perspektif sarjana Hadis ialah segala yang bersumber daripada Nabi Muhammad SAW sama ada berbentuk perkataan, perbuatan, pengakuan, tabiat, budi pekerti, ataupun perjalanan hidupnya baik sebelum diangkat menjadi seorang Rasul atau sesudahnya. Manakala Sunnah dalam perspektif sarjana Usul Fiqh ialah segala sesuatu yang bersumber daripada Nabi Muhammad SAW selain al-Quran al-Karim yang berupa perkataan, perbuatan atau ketetapan yang layak dijadikan hukum syarak. Manakala Sunnah dalam perspektif sarjana Fiqh ialah segala sesuatu yang telah ditetapkan oleh Nabi Muhammad SAW yang bukan daripada bab fardhu dan bukan pula dari bab wajib.

Berdasarkan pada analisis terhadap pandangan-pandangan para sarjana Salaf mengenai definisi al-Sunnah, kajian ini mendapati bahawa al-Sunnah dalam perspektif sarjana Usul Fiqh sangat berbeza dengan al-Sunnah dalam perspektif sarjana Hadis. Sarjana Usul Fiqh menilai wujudnya dua jenis Sunnah iaitu Sunnah yang layak menjadi hukum syarak, dan Sunnah yang tidak layak menjadi hukum syarak. Pembezaan terhadap dua jenis Sunnah ini dilakukan dengan cara merujuk kepada tabiat dan tindak tanduk Rasulullah SAW ketika bersabda, bertindak, ataupun ketika memberi ketetapan. Mengikut al-Qaradawi (2010, 1: 346; 2009: 108) seorang pakar dalam bidang Usul Fiqh yang bermazhab Maliki, bahawa tabiat dan tindak tanduk Rasulullah SAW tidak berada dalam tabiat dan sifat yang sama. Adakalanya Rasulullah SAW bertindak sebagai *muballigh* atau penyampai risalah Islam, dan adakalanya Rasulullah SAW bertindak bukan sebagai *muballigh*. Ini ertinya, Rasulullah SAW mempunyai beberapa kedudukan yang berbeza, sama ada bertindak berdasarkan sifat manusia biasa, atau sebagai ketua negara, atau sebagai mufti, atau sebagai qadi. Masing-masing tindakan Nabi SAW tentu membawa pengaruh tersendiri terhadap hukum syariah.

Al-Dihlawi (2005, 1: 223-224) dalam kitabnya yang bertajuk *Hujjat Allah al-Balighah*, juga menegaskan bahawa al-Sunnah yang telah diriwayatkan daripada Nabi SAW dan yang telah dibukukan dalam kitab-kitab hadis terbahagi kepada dua iaitu Sunnah dalam konteks penyampaian risalah (*tabligh al-risalah*) dan Sunnah yang bukan dalam konteks penyampaian risalah (*ghayr tabligh al-risalah*). Ungkapan ini lebih jelas lagi kerana al-Dihlawi meletakkan Sunnah *tabligh al-risalah* sebagai kategori Sunnah yang membawa hukum yang mengikat, dan Sunnah *ghayr tabligh al-risalah* sebagai Sunnah yang tidak membawa kepada hukum yang mengikat. Seterusnya al-Dihlawi memperincikan permasalahan-permasalahan yang masuk dalam kategori Sunnah *tabligh al-risalah* dan Sunnah *ghayr tabligh al-risalah*.

Konsep al-Sunnah kemudian disusun secara sistematik oleh para sarjana Muslim kontemporari. Shaltut (2001: 499-501) seumpamanya, menyatakan bahawa Sunnah Nabi terbahagikan kepada *Sunnah Tashri'iyyah* dan *Non Tashri'iyyah*. Sunnah *Non Tashri'iyyah* meliputi Sunnah dalam konteks hajat hidup manusia, Sunnah yang merupakan hasil eksperimen dan kebiasaan individual atau sosial, dan Sunnah dalam konteks pengaturan manusia untuk menangani permasalahan tertentu. Manakala *Sunnah Tashri'iyyah* meliputi *Tashri'iyyah Ammah* dan *Tashri'iyyah Khassah*. Sunnah dalam kategori *Tashri'iyyah Ammah* meliputi semua Sunnah yang bersumber daripada Nabi SAW dalam bentuk tabligh dan dalam status beliau sebagai seorang Rasul. Sedangkan Sunnah dalam kategori *Tashri'iyyah Khassah* meliputi Sunnah yang bersumber daripada Nabi sebagai ketua negara atau pemimpin umat Islam, dan Sunnah yang bersumber daripada Nabi sebagai seorang hakim.

#### **5. Al-Sunnah Menurut al-Qaradawi**

Sehubungan dengan istilah Sunnah, al-Qaradawi memang sangat kritis dalam meletakkan definisinya. Menurut al-Qaradawi (1998: 50), antara permasalahan penting dalam bidang ilmu yang banyak menyesatkan para pengkjinya ialah membawa istilah-istilah ulama terdahulu kepada makna yang diguna pakai dalam istilah ulama semasa. Istilah *naskh* seumpamanya, para ulama dahulu menggunakan kata *naskh* dengan pengertian *naskh* yang tidak sama dengan maksud pengertian ulama semasa. Begitu pula yang terjadi pada kata Sunnah. Istilah Sunnah dalam pandangan para sahabat bermakna “*tindakan Rasulullah SAW yang dimaksudkan untuk diikuti dan dicontoh.*” Makna ini diambil dari kemutlakan bahasa. Akan tetapi makna Sunnah dalam tradisi

keilmuan Islam moden adalah lebih umum daripada makna bahasa yang ditetapkan oleh kalangan sahabat. Apabila pengertian Sunnah ini ditransfer kepada makna semasa iaitu "segala sesuatu yang bersumber daripada Nabi SAW sama ada berupa perkataan, perbuatan, ketetapan, sifat, atau sirah," maka dengan sendirinya Sunnah itu akan mencakup dua jenis pembahagian, iaitu sunnah yang membawa hukum syarak dan sunnah yang tidak membawa hukum syarak meskipun sangat terhad jumlahnya. Di sini, al-Qaradawi bermaksud hendak mengingatkan para pengkaji Sunnah agar tidak mudah terjebak dengan istilah-istilah yang mempunyai maksud yang berbeza antara yang diguna pakai pada masa dahulu dengan yang diguna pakai pada masa sekarang. Misalnya kata Sunnah, apabila diucapkan oleh para sahabat, maka yang dimaksud ialah Sunnah untuk diikuti. Demikian halnya kalau mereka mengatakan *Laysa bi Sunnah*, maka yang dimaksudkan ialah Sunnah bukan untuk diikuti.

Berdasarkan pada analisis di atas, *Sunnah* menurut al-Qaradawi ialah *al-tariq al-muttaaba'ah* yang bermaksud sebagai suatu jalan yang diikuti. Pemahaman ini adalah merujuk kepada penggunaan kata Sunnah yang beredar di kalangan para sahabat. Para sahabat telah menggunakan dua istilah yang berbeza iaitu *al-sunnah* dan *laysa bi sunnah*. Hal ini bermaksud bahawa Sunnah menurut sahabat ialah apa yang ditetapkan sebagai hukum dan yang diikuti atau dalam istilah mereka sebagai *ma qasada bihi al-tashri' wa al-itiba'* (al-Qaradawi, 1998: 49). Oleh yang demikian, istilah *Sunnah* untuk konteks sekarang lebih tepat jika difahami sebagai *Sunnah Tashri'iyyah* (Sunnah yang membawa konsekuensi hukum). Manakala istilah *Laysa bi Sunnah* lebih tepat difahami sebagai *Sunnah Non Tashri'iyyah* (Sunnah yang tidak membawa konsekuensi hukum).

## 6. Konsep *Fiqh al-Sunnah* al-Qaradawi

Pelbagai konsep Sunnah yang telah ditawarkan oleh para sarjana Islam klasik mahupun kontemporari, seumpama Ibn Qutaybah, al-Qarafi, Ibn al-Qayyim, Rashid Rida, al-Dihlawi, Ibn Ashur, dan Shaltut, telah mempengaruhi al-Qaradawi untuk merumuskan sebuah konsep tentang fiqh al-Sunnah. Berdasarkan pada konsep-konsep yang telah ditawarkan oleh para sarjana tersebut, al-Qaradawi menyimpulkan bahawa Sunnah Nabi dapat diklasifikasikan kepada tiga bentuk. (1) *Sunnah Tashri'iyyah Ammah* iaitu Sunnah yang bersumber dari kerasulan Muhammad SAW, yang membawa hukum yang mengikat sepanjang zaman. (2) *Sunnah Tashri'iyyah Khassah* iaitu Sunnah yang bersumber dari kepemimpinan Muhammad SAW yang membawa hukum sementara kerana hukum tersebut dimaksudkan bagi menangani permasalahan tertentu pada situasi tertentu. (3) *Sunnah Ghayr Tashri'iyyah* iaitu Sunnah yang tidak membawa hukum yang mengikat sama sekali. Sunnah ini biasanya dalam konteks hajat hidup manusia, hasil eksperimen dan kebiasaan individual atau sosial, dan konteks pengaturan manusia dalam mengantisipasi suasana tertentu. Konsep inilah yang dijadikan oleh al-Qaradawi sebagai batu asas dalam memahami Sunnah Nabi SAW (al-Qaradawi, 1998: 25-47).

Ketika melangkah kepada tataran aplikatif dalam memahami nas yang berbentuk hadis, al-Qaradawi meluaskan konsep fiqh al-Sunnah dengan melihat pada fungsi dan kedudukan al-Sunnah. Al-Qaradawi menyatakan bahawa Sunnah Nabi mempunyai kedudukan sebagai pentafsir al-Quran secara praktikal atau sebagai perwujudan ajaran Islam mengikut tuntutan realiti dalam bentuk yang paling sempurna (al-Qaradawi, 2010: 25-21; 2004: 91-92). Iini bermakna bahawa al-Sunnah diposisikan oleh al-Qaradawi sebagai sebuah *manhaj* atau metodologi dalam memahami al-Quran. Al-Qaradawi sendiri menyatakan bahawa lafadz *al-Sunnah* pada hakikatnya bermakna *al-tariq* atau *al-manhaj*. Justeru, Sunnah diibaratkan sebagai kebijaksanaan Nabi dalam menjelaskan al-Quran dan hakikat-hakikat Islam (al-Qaradawi, 2010: 25).

Dalam kesempatan yang lain al-Qaradawi juga menegaskan bahawa sekiranya berlaku percanggahan antara al-Quran dan hadis Nabi, maka kedudukan al-Quran lebih diutamakan, dan prinsip-prinsip yang dikandungnya mesti ditegakkan (al-Qaradawi, 2009, 1: 345). Pandangan ini menunjukkan bahawa tidak ada yang lebih benar selain daripada ayat-ayat al-Quran yang daripadanya pemahaman yang benar mesti diambil, dan al-Quran merupakan pedoman asas bagi agama Islam. Konsep ini sangat jelas tatkala al-Qaradawi menolak kesahihan hadis tentang pengutusan Nabi dengan membawa pedang disebabkan hadis tersebut menyelisihi prinsip-prinsip umum al-Quran.

Hadis tentang pengutusan Nabi dengan membawa pedang telah diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam *al-Musnad*, *Musnad Abdullah bin Umar* dengan bunyi sepetimana berikut:

بعثت بين يدي الساعة بالسيف حتى يعبد الله وحده لا شريك له يجعل رزقى تحت ظل رحمى يجعل الذل والصغار على من خالف أمرى، ومن  
تشبه به فهو منهم.

Maksudnya:

Saya diutus menjelang hari kiamat dengan membawa pedang, sehingga Allah disembah sendirian sahaja, tiada sekutu bagiNya. Dan dijadikan rizkiku berada di bawah bayangan tombak. Dijadikan kecil dan hina orang-orang yang melawan urusannku. Sesiapa yang menyerupai suatu kaum maka ia masuk bahagian daripada kaum tersebut (Ahmad, 1995, 4: 516).

Mengenai takhrij hadis tersebut, Shaikh Ahmad Shakir dalam takhrij hadis kitab *al-Musnad li al-Imam Ahmad bin Muhammad bin Hambal*, hadis no. 5115 menghukumi hadis tersebut sebagai hadis yang sahih (Ahmad, 1995, 4: 516). Demikian halnya Shaikh Muhammad Nasir al-Din al-Albani, dalam takhrij hadis kitab *Manar al-Sabil* hadis no. 1269 menghukumi hadis tersebut juga sebagai hadis yang sahih (al-Albani, 1985, 5: 109-110). Walau demikian, terdapat dua ulama hadis terkemuka dan terpercaya yang tidak menghukumi *sahih* hadis tersebut. Dua ulama tersebut menurut al-Qaradawi ialah al-Hafiz Nur al-Din al-Haythami dalam kitabnya yang bertajuk *Majma' al-Zawaid* dan al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani dalam kitabnya yang bertajuk *Fath al-Bari* (al-Qaradawi, 2009, 1: 337).

Mengikut al-Qaradawi, Shaikh Ahmad Shakir memang dikenal sebagai ulama yang mudah dalam menghukumi *sahih* sesebuah hadis. Hampir tidak ada seorang perawi pun yang diperselisihkan melainkan beliau akan menguatkannya dan memperakuinya. Hal ini terbukti ketika beliau menguatkan Ibn Thawban, salah seorang perawi dalam hadis tersebut yang dihukumi munkar oleh sebahagian ulama *al-Jarah wa al-Ta'dil*. Manakala Shaikh al-Albani mensahihkan hadis tersebut kerana ia memiliki jalur-jalur periwayatan yang lain (*shawahid*). Shaikh al-Albani sendiri merupakan antara ahli hadis yang menerima kaedah *Taqwiyyah al-Hadith bi Ta'addud al-Turuq* dengan syarat bahawa dalam jalur-jalur periwayatan itu tidak terdapat perawi yang tertuduh berdusta atau fasik. Jalur-jalur periwayatan itu telah disebutkan dalam kitabnya *al-Irwa'*. Berdasarkan pada hasil penelitian terhadap beberapa jalur periwayatan yang disebutkan oleh Shaikh al-Albani tersebut, bahawa semua riwayat tidak selamat daripada pembicaraan dan tidak lebih daripada derajat yang saling menguatkan satu sama lain. Masing-masing riwayat yang dihadirkan sebagai *shawhid* tidak datang dari satu jalur yang sahih, bersambung, dan selamat daripada kritik (al-Qaradawi, 2009, 1: 337-340).

Kaedah *Taqwiyyah Taqwiyah al-Hadith bi Ta'addud al-Turuq* dalam pengaplikasianya juga masih diperselisihkan oleh kalangan ahli hadis. Mengikut pandangan para Imam Mutaqaddimin seperti Imam Mahdi, Imam Ibn al-Madini, Imam Ibn Ma'in dan Imam al-Bukhari, kaedah tersebut tidak dapat diaplikasikan ke dalam permasalahan hukum. Mengikut al-Qisimi, para Imam Mutaqaddimin menolak secara mutlaq penggunaan hadis-hadis *daif* dalam permasalahan hukum. Dikatakan mutlaq, sebab mereka tidak mengikatnya dengan syarat (al-Qasimi, 2001: 116). Bahkan, Imam Ibn Hazm pun menolak secara mutlaq untuk mengamalkan hadis yang di dalam sanadnya terdapat perawi yang dihukumi *daif* kerana berdusta, lupa dan tidak diketahui keadaaannya (Ibn Hazm, 1317, 2: 83).

Justeru itu, kajian ini memandang jika hadis Nabi telah disepakati sebagai penjelasan terhadap makna-makna umum al-Quran, maka ketika ia menyelisihi petunjuk umum al-Quran, ia boleh sahaja dikategorikan sebagai hadis yang *Daif* dengan alasan wujudnya percanggahan yang tidak dapat diharmonikan. Lebih lagi, di kalangan ahli hadis tidak ada kesepakatan antara mereka mengenai kesahihannya. Sebab, jika ditinjau dari aspek sanadnya, ia adalah *daif* walaupun memiliki shawahid. Sementara shawahid yang *daif* dalam hadis-hadis hukum telah diperselisihkan pengaplikasianya oleh ulama hadis. Manakala ditinjau dari aspek matannya, hadis tersebut bertentangan dengan petunjuk umum al-Quran yang menjelaskan pengutusan Nabi dengan membawa petunjuk, rahmat dan kasih sayang seperti yang terdapat dalam *Surah al-Tawbah* (9: 33), *Surah al-Saff* (61: 9), *Surah al-Fath* (48: 28). Manakala ayat-ayat Makkiiyah seumpama *Surah al-Anbiya'* (21: 107), *Surah Yunus* (10: 57), *Surah al-Nahl* (16: 89), *Surah al-Isra'* (17: 105), *Surah al-Baqarah* (2: 119), *Surah al-Ahzab* (33:45-48), *Surah al-Nisa'* (4: 170), *Surah al-Maidah* (5: 15-16), dan *Surah al-Jumu'ah* (62: 2).

Berdasarkan pada analisis di atas, pendapat al-Qaradawi yang melemahkan hadis pengutusan Nabi dengan pedang tidak murni berdiri sendiri, tetapi bersandar pada pandangan ulama hadis seumpama al-Haythamidan Ibn Hajar al-Asqalani. Inilah antara sikap wasatiyyah al-Qaradawi dalam berinteraksi dengan Sunnah yang meneliti kesahihan hadis berdasarkan pada acuan ilmiah yang telah digariskan oleh para pakar hadis yang dapat dipercaya baik sanad maupun matan.

Apabila Sunnah dipandang oleh al-Qaradawi sebagai pentafsir al-Quran secara praktikal, maka ia tentu akan mengikuti apa yang ditafsirkan (al-Quran). Konsekuensinya, Sunnah tidak dapat dijadikan sebagai sumber hukum yang berdiri sendiri. Kenyataan seperti ini telah pun dinyatakan oleh al-Shatibi, bahawa Sunnah pada maknanya akan sentiasa merujuk kepada al-Quran, ia sebagai pemerinci keglobalan al-Quran serta penjelas kemesyikilan al-Quran. Ia juga meluaskan keringkasan al-Quran. Hal yang demikian itu kerana Sunnah

merupakan penjelasan terhadap al-Quran sepetimana yang telah dijelaskan dalam al-Quran sendiri iaitu surah al-Nahl ayat 44 yang bermaksud, "Dan Kami pula telah turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka." Maka tidak ada suatu perkara yang didapati dalam al-Sunnah melainkan al-Quran telah menunjukkan maknanya menerusi petunjuknya yang global mahupun terperinci. Di samping itu, perkara yang menunjukkan bahawa al-Quran merupakan dalil kulli syariat adalah kerana Allah telah menjadikan al-Quran sebagai penjelas bagi segala sesuatu. Hal ini tentunya menunjukkan bahawa al-Sunnah hanyalah hasilan al-Quran secara umum, kerana perintah dan larangan untuk pertama kalinya hanya ada dalam al-Quran sepetimana yang dijelaskan dalam al-Quran surah al-An'am ayat 38 yang bermaksud, "Tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam Kitab al-Quran ini" (al-Shatibi, 2001, 4: 9).

Implikasi atas pandangan al-Qaradawi di atas, Sunnah harus memiliki tiga karakteristik utama iaitu bersifat komprehensif (*shumul*), seimbang (*mutawazin*), dan memudahkan (*muyassir*). Jika pada peringkat pemahaman terhadap Sunnah itu sama sekali tidak mengandungi nilai-nilai tersebut, maka boleh jadi pemahaman tersebut dipandang sebagai menyelisihi petunjuk Nabi SAW. Atas dasar inilah al-Qaradawi menyatakan bahawa ketiga-tiga karakteristik tersebut dapat mendatangkan pemahaman yang utuh terhadap Sunnah (al-Qaradawi, 2010: 25-21).

#### i. Sunnah sebagai metodologi yang komprehensif (*shumul*)

Memandangkan Sunnah sebagai penjelas al-Quran yang mana al-Quran memiliki karakteristik komprehensif, maka Sunnah menurut al-Qaradawi sudah tentu bersifat komprehensif. Bersifat komprehensif maksudnya bahawa Sunnah menjelaskan pelbagai aspek kehidupan manusia. Bermula dari kehidupan manusia di dunia sehingga kehidupan di akhirat, dari kehidupan di dalam rumah sehingga di luar rumah, dari perhubungan dengan keluarga sehingga antara sesama umat beragama, antara manusia dengan haiwan dan benda mati, bahkan kehidupan manusia yang meliputi antara jasad, akal dan ruh (al-Qaradawi, 2010: 26; 2004: 91). Konsekuensinya, Sunnah tidak akan pernah menyalahi hukum al-Quran atau menentang makna-makna al-Quran. Apabila Sunnah didapati bertentangan dengan al-Quran, maka Sunnah itu perlu dikritik semula.

#### ii. Sunnah sebagai metodologi yang seimbang (*mutawazin*)

Sunnah dipandang sebagai manhaj yang seimbang, kerana Rasulullah SAW tatkala memahami dan mengamalkan isi al-Quran menerusi perlakunya, beliau mengambil jalan pertengahan. Jalan pertengahan inilah yang cuba menggabungkan antara dua benda yang dianggap saling bertentangan. Oleh itu, apabila Rasulullah SAW melihat kecenderungan di antara sebahagian sahabatnya yang hendak berbuat berlebih-lebihan atau mengabaikan, maka beliau cuba mengembalikannya ke jalan tengah, lalu memperingatkan mereka dari perangkap sikap berlebih-lebihan dan meremehkan. Rasulullah SAW menolak perbuatan tiga orang sahabat yang cenderung melampau dalam ibadah. Rasulullah melarang mereka berpuasa secara terus-menerus, solat sepanjang malam, dan menghindari wanita. Hendaklah seseorang itu berpuasa dan makan, solat dan tidur, serta menikahi wanita. Al-Qaradawi menjadikan sikap Rasulullah SAW yang seimbang ini sebagai manhaj dalam memahami Sunnah (al-Qaradawi, 2010: 27; 2004: 92).

Realitinya, manhaj pertengahan inilah yang menjadi manhaj utama al-Qaradawi dalam memahami Sunnah Nabi, khususnya hadis-hadis yang bersifat partial (*juz'iyah*). Manhaj ini ditempuhnya dengan jalan memahami Sunnah Nabi dalam perspektif Maqasid al-Shariah. Di mana nas yang berbentuk hadis yang sahij dijadikan sebagai dalil penetapan hukum, manakala Maqasid al-Shariah dijadikan sebagai teori analisis hukum. Sehingga antara nas dan Maqasid dihubungkaitkan menjadi satu bahagian yang membentuk sebuah fiqh yang berkarakter *mutawazin* (al-Qaradawi, 2012: 135-215).

#### iii. Sunnah sebagai metodologi yang memudahkan (*muyassir*)

Jika Sunnah Nabi dipandang sebagai manhaj yang memudahkan, konsekuensinya adalah hukum yang diistimbat daripada Sunnah tersebut juga mengandungi kemudahan. Realitinya memang demikian, fiqh yang dikeluarkan oleh al-Qaradawi daripada hadis-hadis Nabi SAW sentiasa mengandungi kemudahan, kelapangan dan toleransi. *Fiqh al-Taysir* menurut al-Qaradawi diasaskan pada maksud dan tujuan syariat yang terdapat dalam al-Quran dan juga hadis Nabi SAW. Al-Quran telah mendariskan panduan umum tujuan syariat iaitu memberi kemudahan. Sepertimana firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 185 yang bermaksud: "Allah

*menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.”* Tentunya Sunnah Nabi pun akan datang mengikut dan memperincikan maksud tersebut.

Dalam kesempatan lain, al-Qaradawi menyatakan bahawa memudahkan hukum (*taysir al-fiqh*) bermaksud memudahkan kefahaman tentang hukum fiqh kepada seorang Muslim semasa yang sibuk dengan beban-beban kehidupan, serta memudahkan pelaksanaan hukum fiqh dengan menjauhkan diri daripada hal-hal yang terlalu memberatkan (al-Qaradawi, 2008: 13-15). Tidak diragukan lagi, wujudnya fiqh yang memudahkan manusia dalam menerapkannya sangat dinantikan oleh ramai kalangan masyarakat yang dalam konteks semasa banyak dipenuhi cabaran kehidupan akibat perubahan zaman dan kemajuan teknologi. Konsekuensinya, kemaslahatan harus diperhatikan dengan tetap mempertimbangkan antara tujuan syariat yang tetap dan fasiliti yang berubah-ubah selari dengan perubahan zaman.

## 7. Al-Wasatiyyah dalam *Fiqh Sunnah* al-Qaradawi

Paradigma pemikiran al-Qaradawi terhadap Sunnah yang dicirikan olehnya menjadi tiga iaitu komprehensif, seimbang, dan memudahkan, nampaknya mempengaruhi bagaimana metode yang ditawarkan olehnya dalam berinteraksi dengan sunnah. Bertolak dari kegelisahannya akan kondisi umat Islam, terutama interaksi mereka terhadap Sunnah yang hanya berpusing di sekitar persoalan ibadah dan ritual, al-Qaradawi perlu melangkah untuk merespon permasalahan-permasalahan baharu sekitar tradisi sosial, budaya mahupun politik. Respon ini diiringi dengan sikapnya mengambil posisi pertengahan. Sikap ini diambil oleh kerana kecenderungan pemikiran umat Islam pada ketika itu yang menurutnya terbentuk menjadi dua kecenderungan iaitu ekstrem melampau dan ekstrem mengabaikan. Al-Qaradawi memilih di antara dua kecenderungan tersebut (al-Qaradawi, 2011: 228-286).

Dalam bukunya yang bertajuk *al-Sahwah al-Islamiyyah min al-Murahaqah ila al-Rushd*, al-Qaradawi menyatakan keyakinannya bahawa manhaj *Wasatiyyah* itu merupakan jalan penyelesaian bagi umat Islam dari penyimpangan kaum ekstrim (*tahrif al-ghalin*), manipulasi orang-orang sesat (*intihal al-mubtilin*), dan pentakwilan orang-orang bodoh (*ta'wil al-jahilin*). Di samping itu, al-Qaradawi juga menyatakan secara jelas mengenai karakter manhaj yang dianutinya (al-Qaradawi, 2008: 254-258).

Jika karakteristik komprehensif (*shumul*), seimbang (*mutawazin*), dan memudahkan (*muyassir*) dianggap sebagai syarat bagi memperolehi pemahaman yang utuh tentang al-Sunnah, maka al-Qaradawi juga menetapkan tiga hal yang mesti dihindari dalam berinteraksi dengan Sunnah. *Pertama*, penyimpangan kaum ekstrim. *Kedua*, manipulasi orang-orang sesat (*intihal al-mubtilin*), iaitu pemalsuan terhadap ajaran-ajaran Islam dengan membuat pelbagai jenis bidaah yang jelas bertentangan dengan akidah dan syariah. *Ketiga*, pentafsiran orang-orang bodoh (*ta'wil al-jahilin*). Oleh yang demikian pemahaman yang tepat terhadap Sunnah menurut al-Qaradawi ialah mengambil sikap *Wasatiyyah*, iaitu tidak berlebihan atau ekstrim, tidak menjadi kumpulan sesat, dan tidak menjadi kumpulan yang bodoh (al-Qaradawi, 2010: 35-42; 2004: 95-98).

Untuk mewujudkan sikap *Wasatiyyah* ini, diperlukan tiga prinsip dasar yang harus ditempuh ketika berinteraksi dengan Sunnah Nabi SAW. *Pertama*, meneliti kesahihan hadis berdasarkan pada acuan ilmiah yang telah ditetapkan oleh pakar hadis yang dapat dipercaya, baik sanad mahupun matannya. *Kedua*, memahami hadis Nabi dengan baik berdasarkan pada petunjuk bahasa, susunan gramatikal hadis, latar belakang kemunculan hadis, nas-nas al-Quran dan hadis Nabi lainnya, prinsip-prinsip umum syariat, maksud-maksud universal Islam, membezakan antara sunnah *tashri'* dan non *tasyri'*, antara sunnah yang bersifat umum dan yang bersifat khusus, yang kekal dan yang sementara. *Ketiga*, memastikan bahawa Sunnah tersebut selamat dari percanggahan dengan dalil yang lebih kuat, sama ada dalil daripada al-Quran, hadis lain yang lebih kuat, ataupun prinsip-prinsip umum syariat (al-Qaradawi, 2004: 99-100).

Untuk melaksanakan prinsip-prinsip dasar tersebut, maka al-Qaradawi mengemukakan delapan kriteria dalam berinteraksi dengan Sunnah. Lapan kriteria yang dimaksud ialah memahami hadis menurut petunjuk al-Quran, menghimpun beberapa hadis yang mengemukakan satu topik perbahasan, memadukan atau mentarjih antara hadis-hadis yang bertentangan, memahami hadis menurut latar belakang dan tujuannya, memisahkan antara sarana yang berubah-ubah dengan tujuan yang tetap dalam hadis, membezakan antara hakikat dan majaz dalam memahami hadis, membezakan antara yang ghaib dengan yang nyata, dan menegaskan makna yang terkandung dalam lafadz-lafadz hadis mengikut perkembangan bahasa dan pengaruh zaman dan tempat (al-Qaradawi, 2010: 113-199; 2004: 123-136).

## 8. Contoh Konsep *Fiqh al-Sunnah* al-Qaradawi

Konsep Fiqh Sunnah al-Qaradawi dapat dicontohkan ketika beliau menjelaskan hukum *riddah* yang telah diriwayatkan oleh Ikrimah, dia berkata: Ali ra telah mendatangi golongan zindiq lalu membakar mereka. Perkara ini telah sampai kepada Ibn Abbas, lalu dia berkata: “Sekiranya aku (berada pada posisi Ali ra), tentu aku tidak akan membakar mereka mengingat larangan Rasulullah SAW agar jangan menghukum dengan hukuman Allah. Akan tetapi, aku akan membunuh mereka kerana sabda Rasulullah SAW yang memerintahkan bahawa sesiapa yang menukar agamanya, maka bunuhlah dia” (Al-Bukhari, 1400, 4: 279).

Dalam permasalahan ini, para ulama muktabar daripada mazhab yang empat (Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Ahmad) tidak berbeza pendapat bahawa *riddah* adalah suatu jenayah di sisi syarak, dan termasuk kategori jenayah hudud yang harus ditegakkan hukuman bunuh ke atasnya berdasarkan pada riwayat tersebut di atas. Manakala sebahagian ulama yang lain seumpama Imam al-Thawri dan Imam al-Nakha'i menyatakan bahawa jenayah *riddah* tidak harus ditegakkan hukum bunuh melainkan pelakunya dituntut untuk bertaubat (Siti Zalikhah, 2008: 86-90).

Al-Qaradawi menerusi konsep fiqh Sunnahnya, memahami hadis tersebut sebagai hadis yang muncul daripada Nabi SAW dengan sifatnya sebagai pemimpin atau ketua negara, yang mana tindakannya mesti diorientasikan pada pencapaian maslahah umat. Justeru, hadis tersebut tidak dapat difahami sebagai bentuk *fatwa* atau *tabligh al-risalah* yang wajib bagi umat Islam untuk mengikutinya sepanjang masa, tempat dan keadaan. Oleh itu, mengenakan hukuman bunuh kepada orang murtad adalah hak pemerintah. Apabila pemerintah menetapkan hukuman tersebut, maka hukumannya dilaksanakan, jika tidak hukuman tersebut tidak dilaksanakan.

Dalam bukunya *Jarimat al-Riddah* (1996: 52-56), al-Qaradawi menyatakan bahawa tindakan Umar bin al-Khattab sebagai Khalifah yang secara zahirnya menyalahi nas hadis Nabi, menunjukkan bahawa hadis *riddah* bukanlah hadis yang kekal dan mengikat hukumnya sepanjang zaman. Al-Qaradawi menukilkan sebuah athar daripada Umar yang terdapat dalam kitab *al-Musannaf*, di mana Abd al-Razzaq telah menghabarkan daripada al-Thawri daripada Dawud daripada al-Sha'bi, bahawa Anas bin Malik telah berkata:

Abu Musa telah mengutusku untuk menghabarkan ehwal penaklukan Tustar kepada Umar ra, lalu Umar bertanya kepadaku (ketika itu terdapat enam orang daripada Bani Bakr bin Wail yang murtad dan lari menyertai kaum Musyrikin): “Apa yang dilakukan oleh sekumpulan daripada Bani Bakr bin Wail?” Anas bin Malik berkata: “Aku pun mengambil perbincangan yang lain untuk mengalihkan Umar daripada ehwal mereka,” lalu Umar berkata: “Apa yang dilakukan oleh sekumpulan daripada Bani Bakr bin Wail?” Aku pun menjawap: “Wahai Amir al-Mukminin! Mereka adalah kaum yang murtad dan lari menyertai kaum Musyrikin, lalu adakah jalan lain bagi mereka selain hukuman bunuh?” Umar pun berkata: mengajak mereka supaya masuk Islam lebih aku suka daripada yang lain”. Kemudian Anas berkata: “Wahai Amir al-Mukminin! Apa yang mesti aku lakukan sekiranya aku mengajak mereka?” Umar menjawap: “Aku akan membuka pintu bagi mereka yang daripada pintu itulah mereka telah keluar agar mereka kembali masuk ke dalam pintu tersebut, jika mereka masuk aku akan terima mereka, dan jika tidak aku akan sediakan penjara bagi mereka (Abd al-Razzaq, 1983, 10: 165).

Berdasarkan pada riwayat Umar di atas, al-Qaradawi menyimpulkan bahawa hukuman bunuh tidak semestinya dikenakan kepada orang murtad dalam semua keadaan, bahkan hukuman bunuh mungkin digugurkan atau ditangguhkan apabila wujud keadaan darurah seperti peperangan dan kedudukan orang murtad itu berhampiran dengan kaum Musyrikin dan ditakuti berlaku fitnah ke atas mereka. Boleh jadi, Umar menganalogikan masalah ini dengan hadis Nabi sw yang melarang melaksanakan hukuman potong tangan semasa dalam peperangan kerana ditakuti penjenayah mendapat perlindungan dan bersekutu dengan musuh (al-Qaradawi, 1996: 56).

Al-Qaradawi juga menyatakan bahawa hukuman bunuh hanya dapat diterapkan kepada golongan murtad yang mempamerkan kemurtadannya dan menyeru orang lain kepada bidaah ciptaan mereka dengan lisan atau tulisan. Riddah ini lebih utama diberatkan hukumannya (hukuman bunuh), dengan berpegang pada pendapat jumhur fuqaha dan hadis-hadis Nabi SAW yang zahir menunjukkan demikian, demi membasmikan keburukan dan sebagai menutup jalan kepada timbulnya fitnah ke atas umat Islam. Manakala riddah yang tidak mempamerkan kemurtadan dan menyeru orang lain kepadanya, maka boleh dikenakan hukuman ta'zir yang

munasabah (al-Qaradawi, 1996: 52).

Berdasarkan pada keterangan di atas, al-Qaradawi cuba menggabungkan dua pandangan ulama salaf di atas. Pada satu sisi, al-Qaradawi mengambil fiqh hadis al-Thawri dan al-Nakha'i yang diasaskan pada pandangan Umar bahawa orang yang murtad dituntut agar mereka bertaubat selamanya dan tidak dibunuh. Fiqh hadis al-Thawri dan al-Nakha'i ini diterapkan oleh al-Qaradawi dalam konteks riddah yang ringan. Di sisi lain, al-Qaradawi juga mengambil fiqh hadis para Imam mazhab yang empat yang diasaskan pada pandangan Ibn Abbas bahawa orang yang murtad harus dibunuh dan tidak boleh dibakar. Dengan demikian, jelaslah bahawa fiqh hadis riddah dibangun oleh al-Qaradawi berdasarkan pada manhaj al-wasatiyyah dengan mengaplikasikan konsep Sunnah Tashri'iyyah Khassah.

## 9. Kesimpulan

Konsep fiqh Sunnah yang digagas oleh al-Qaradawi ini bukanlah sesuatu yang benar-benar asli kerana konsep tersebut memiliki akar sejarah yang terkait dengan pemikiran para sarjana Muslim yang berkembang sebelumnya. Al-Qaradawi sangat terpengaruh dengan konsep-konsep Sunnah yang ditawarkan oleh para sarjana klasik mahupun kontemporari dalam bidang Usul Fiqh. Para sarjana tersebut telah meletakkan sebuah konsep tentang Sunnah yang kemudian dijalinkait dan dikembangkan oleh al-Qaradawi sehingga menjadi sebuah konsep al-Wasatiyyah yang berorientasikan *Maqasid al-Shariah*. Realitinya, konsep tersebut sangat mempengaruhi pemikiran al-Qaradawi dalam memahami al-Sunnah.

## Rujukan

- Abd al-Razzaq. *al-Musannaf*. 1403H/1983M. Jil. 10. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Ahmad, Muhammad bin Hambal. 1995. *Al-Musnad li al-Imam Ahmad bin Muhammad bin Hambal*. Tashrih Shaikh Ahmad Muhammad Shakir, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. 1985. *Irwa' al-Ghalil fi Takhrij Ahadith Manar al-Sabil*, Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Awwa, Muhammad Salim. 2004. *Juhud al-Duktur Yusuf al-Qaradawi fi Khidmah al-Sunnah al-Nabawiyyah* dalam *Yusuf al-Qaradawi Kalimat fi Takhrimih*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Bukhari, Abu Abdillah Muhammad bin Ismail. 1400. *al-Jami' al-Sahih*. Kaherah: al-Matba'ah al-Salafiyyah.
- Al-Dihlawi, Shah Wali Allah Ibn Abd al-Rahim. 2005. *Hujjat Allah al-Balighah*. Tahqiq Sayyid Sabiq. Beirut: Dar al-Jayl.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad Ali. 1317H, *al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal*, Kaherah: al-Matba'ah al-Adabiyyah.
- Kassab, Akram. 2008. *Duwar al-Qaradawi fi Ta'sil al-Wasatiyyah wa Ibraz Ma'alimiha*, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Khatib, Muhammad Ajjaj. 1989. *Usul al-Hadith*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Khon, Abdul Majid. 2011. *Pemikiran Modern Dalam Sunnah: Pendekatan Ilmu Hadis*. Jakarta: Kencana.
- Al-Khurashi, Sulayman bin Salih. 2003. *Pemikiran Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam Timbangannya*. Terj. M. Abdul Ghoffar. Bogor: Pustak Imam Asy-Syafi'i.
- Al-Qaradawi, Yusuf bin Abdillah. 2010. *Kayfa Nata'amal Ma'a al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Al-Qaradawi, Yusuf bin Abdillah. 1998. *Al-Sunnah Masdaran li al-Ma'rifah wa al-Hadarah*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Al-Qaradawi, Yusuf bin Abdillah. 2004. *al-Madkhali Dirasat al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi, Yusuf bin Abdillah. 1996. *Jarimah al-Riddah wa Uqubah al-Murtad fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi, Yusuf bin Abdillah. 2008. *Taysir al-Fiqh li al-Muslim al-Mu'asir fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi, Yusuf bin Abdillah. 2008. *al-Sahwah al-Islamiyyah Min al-Murahaqah Ila al-Rushd*. Kaherah: Dar al-Shuruq.

- Al-Qaradawi, Yusuf bin Abdillah. 2012. *Dirasah Fi Fiqh Maqasid al-Shariah Bayn al-Maqasid al-Kulliyah wa al-Nusus al-Juz'iyyah*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Al-Qaradawi, Yusuf bin Abdillah. 2009. *Fiqh al-Jihad Dirasah Muqaranah li Ahkamih wa Falsafatih fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qarafi, Shihab al-Din Abi al-Abbas Ahmad bin Idris. 2010. *Kitab al-Furuq, Anwar al-Buruq fi Anwa' al-Furuq*. Tahqiq Muhammad Ahmad Sarraj & Ali Jum'ah Muhammad. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Qarafi, Shihab al-Din Abi al-Abbas Ahmad bin Idris. 2009. *Al-Ihkam fi Tamyiz al-Fatawa an al-Ahkam wa Tasarrufat al-Qadi wa al-Imam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Qasimi, Jamal al-Din. 2001. *Qawa'id al-Tahdith Min Funun Mustalah al-Hadith*, Beirut: Dar al-Nafa'is.
- Saeed, Abdullah. 2014. *Pemikiran Islam Sebuah Pengantar*. Yogyakarta: Baitul Hikmah Press.
- Shaltut, Mahmud. 2001. *Al-Islam Aqidah wa al-Shariah*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Al-Shatibi, Abi Ishaq. 2001. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Tahqiq Shaikh Abdullah Darraz. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Siti Zalikhah. 2008. *Fiqh Jenayah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suryadi. 2008. *Metode Kontemporer Memahami Hadis Nabi: Perspektif Muhammad al-Ghazali dan Yusuf al-Qaradawi*. Yogyakarta: Teras.
- Talimah, Isam. 2001. *Manhaj Fikih Yusuf al-Qaradhawi*. Terj. Samson Rahman. Jakarta: al-Kauthar